

KATEKESERUMAH 2021 #10

"AKULAH GEMBALA YANG BAIK"

(HARI MINGGU PASKA KE - 4 : HARI MINGGU GEMBALA BAIK)



Disediakan oleh Pusat Katekatikal Keuskupan,
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



Pengenalan

Bahan ini telah disediakan sebagai satu peluang untuk keluarga berkumpul dan meluangkan masa bagi berbincang dan membuat refleksi tentang Bacaan Injil bagi Hari Minggu Paska Ke-3. Hari ini, Gereja juga merayakan Hari Minggu Gembala Baik atau Hari Minggu Panggilan Sedunia.

BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI

Dokumen ini mengandungi pelbagai jenis aktiviti, yang mana ahli keluarga boleh menyelesaikannya secara persendirian (hanya kanak-kanak sahaja), secara berdua (dengan bantuan ibu/bapa), atau sebagai satu keluarga. Iubapa disarankan untuk mencetak bahan ini, agar setiap ahli keluarga dapat bersama-sama menjalankan semua aktiviti pada masa yang sama.

BILA PERLU MENGGUNAKAN BAHAN INI

Pada minggu selepas keluarga telah merayakan Misa Hari Minggu Paska Ke-4.

DOA PEMBUKAAN

Allah Bapa di Syurga, kami berkumpul di sini dalam nama Yesus. Terima kasih Yesus, kerana menjadi gembala yang baik, yang sanggup menyerahkan nyawanya sendiri demi domba-dombanya. Roh Kudus, Roh Kedamaian, bimbinglah kami dalam perhimpunan bersama keluarga kami. Dalam nama Yesus kami memohon. Amin.



RENUNGAN SABDA

Jemput seseorang untuk membaca Bacaan dari Yohanes 10: 11 – 18. Kemudian, sebagai satu keluarga, buat refleksi ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, dan kongsi pendapat anda bersama ahli keluarga. Sekiranya perlu, ibubapa boleh mengubah-suai.

MASA UNTUK RENUNGAN DAN RESPONS:

1. Bincangkan apakah kualiti-kualiti yang menjadikan seseorang itu seorang gembala yang baik. Adakah terdapat sesiapa dalam hidup saya yang saya rasakan merupakan seorang gembala yang baik? Siapakah mereka dan kenapa mereka seorang gembala yang baik?
2. Adakah saya merupakan seorang gembala yang baik kepada orang sekeliling saya? Jika ya, bagaimana? Jika tidak, apakah perubahan yang perlu saya lakukan dalam kehidupan saya agar saya boleh menjadi gembala yang baik kepada mereka di sekeliling saya?
3. Yesus adalah Gembala yang Baik yang mengenali saya. Apakah yang patut saya buat dalam masa-masa ini untuk lebih mengenali Dia?
4. Di kala waktu pandemik Covid-19 ini, bagaimanakah Yesus telah menjadi Gembala yang Baik untuk saya? (Renung kembali keadaan-keadaan yang berlaku sejak bermulanya Perintah Kawal Pergerakan (PKP) tahun lepas. Bagaimanakah kehidupan selepas PKP)
5. Dalam Yohanes 10:10, Yesus mengatakan bahawa Dia telah datang agar kita mempunyai hidup bahkan mempunyai hidup yang berlimpah-limpah. Apakah maksud kata-kata Yesus bagi kamu pada waktu ini?

Sebagai satu keluarga, ungkapkan ayat di bawah bersama-sama:

"Gembala yang baik akan sentiasa memerhatikan dombanya. Dia mengenal setiap dombanya dan menjaga mereka. Tuhan memperhatikanku. Dia mengenalku, dan menjagaku. Aku memohon pada Allah kerendahan hati, agar aku dapat mendengar suara Gembala Baik, dan membenarkannya memimpinku – walaupun pada jalan-jalan yang ku tidak fahami."

Untuk para ibubapa dan remaja

Pada lain waktu, bacakan mesej Bapa Suci Paus Fransiskus untuk Hari Panggilan Sedunia 2021 yang disiarkan pada 19 Mac 2021 bertajuk – "Santo Yusuf: Impian Panggilan"

<https://karyakepausanindonesia.org/2021/03/19/pesan-paus-untuk-hari-doa-panggilan-sedunia-ke-58/>


AKTIVITI-AKTIVITI SUSULAN

Pada muka surat seterusnya, terdapat beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisarkan tentang Bacaan Injil pada minggu ini. Pilihlah mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi jika boleh, buatlah semua aktiviti yang ada!

Aktiviti #1: Lindungilah domba ini.

“AKULAH” GEMBALA YANG BAIK


Lindungilah domba-domba sebelum musuh mencapai mereka



Aktiviti #2: Selesaikan Teka Silang Kata.

“AKULAH” GEMBALA YANG BAIK

Yohanes 10:1-18



MELINTANG

2. Dengan setiap pernyataan “Akulah”, Yesus secara berterusan mendedahkan ____ Nya.
5. Berapa banyakkah jalan menuju ke syurga?
7. Yesus berkata, “Akulah ____, kebenaran dan kehidupan”.
8. Yesus berkata “Akulah ____ yang baik.
9. Gembala yang baik mengorbankan nyawanya untuk kawanannya ____ nya.

MENEGAK

1. Yesus berkata “domba-domba Ku mendengar ____ Ku. Aku mengenal domba-domba Ku, dan domba-domba Ku mengenal Aku.
3. Yesus datang untuk melayani, bukan untuk dilayani dan memberikan ____ Nya sebagai tebusan bagi ramai orang.
4. ____ lah suara Gembala yang baik dan ikutilah Dia.
6. Orang upahan adalah seseorang yang menerima ____ untuk menjaga kawanannya domba.

Aktiviti #3: Cari Perkataan.

Gembala Yang Baik

Akulah gembala yang baik. Gembala yang baik mengorbankan nyawanya untuk kawanannya. Yohanes 10:11(AVB)

Berdasarkan Yohanes 10:11-18 (AVB)



B S L E R V A K E E X M P M G
B I S X L U P O A I E U P T E
A S E R I G A L A N D S A Q M
U G C Z N N B J D I D N U E B
D H A H K A P E H S G A P T A
I T X J B N N A G A U M N W L
U R A M N G N A N A W A K G A
P P O S A E K U A S A B R J K
A D X R E Q M P R D U M A A A
H W M C P S N C E W D U J D S
B A G U S L U S S Q H W A W I
J K L N B W A T N V H E G M H
I Q I B G S O R J O F A D F M
H V U H A T K A I B Q Y N L C
P N T M J I E E T S R O A V J

SERIGALA	KAWANAN	BAGUS	TAHU	KUASA
KANDANG	MENJAGA	LARI	SESAT	SUARA
GEMBALA	BAPA	DIUPAH	SERANG	KASIH
MENDENGAR	HIDUP	TANGAN	DOMBA	JAUH


Aktiviti #4: Selesaikan Teka Silang Kata.

Gembala Yang Baik

Akulah gembala yang baik. Gembala yang baik mengorbankan nyawanya untuk kawanannya. Yohanes 10:11(AVB)



Berdasarkan Yohanes 10:11-18 (AVB)



MELINTANG

- 3. Tempoh waktu dari kelahiran sehingga kematian
- 5. Binatang liar yang menyerupai anjing dan memburu secara berkumpulan
- 7. Seseorang yang menjaga domba-domba
- 9. Perasaan sangat sayang atau kasih
- 10. Binatang berbulu seperti kambing

MENEGAK

- 1. Memberi perhatian terhadap sesuatu menggunakan telinga
- 2. Digunakan untuk bercakap
- 4. Kumpulan domba yang dijaga
- 6. Perkataan yang bertentangan dengan perkataan jahat
- 8. Bergerak dengan pantas daripada berjalan

Serigala	Suara	Cinta	Kawanan	Kehidupan
Gembala	Mendengar	Baik	Domba	Berlari

Aktiviti #5: Cari Perkataan.

B	R	B	B	G	S	A	G	E	S	A	E	L	A
D	A	G	B	G	U	A	I	S	E	S	O	U	H
M	B	S	M	B	A	P	A	B	R	B	N	P	A
R	E	A	B	M	O	D	H	A	I	A	E	P	S
B	M	N	M	K	U	A	S	A	G	U	E	A	R
M	E	S	A	A	E	E	M	I	A	A	H	A	A
E	M	H	N	N	E	R	U	R	L	E	I	A	T
I	I	S	A	D	E	R	B	A	A	H	A	R	G
E	M	I	N	I	H	A	N	A	G	P	A	A	E
W	P	R	A	H	A	T	N	I	R	E	P	U	M
E	I	P	W	P	B	E	H	N	A	U	B	S	B
B	N	A	A	S	L	M	A	U	E	A	N	D	A
A	M	B	K	K	H	N	E	M	I	R	R	L	L
B	E	R	S	E	R	A	H	K	I	U	R	D	A

BAPA
BAIK
SERIGALA
HASRAT

GEMBALA
MEMIMPIN
KAWANAN
KUASA

PERINTAH
BERSERAH
DOMBA
SUARA



Aktiviti #6: Cari Perkataan.

Y	T	A	U	R	U	D	A	H	U	U	D	I	A
E	R	H	I	I	A	A	H	J	A	N	G	A	N
A	S	A	D	A	Y	P	I	R	U	C	G	K	I
B	R	A	R	N	D	A	A	E	G	T	B	B	U
O	B	E	U	A	G	A	I	B	A	U	U	S	O
A	A	P	A	O	B	A	S	U	A	R	A	S	R
D	E	A	E	G	E	S	U	D	E	N	G	A	R
I	R	E	B	N	S	U	D	A	P	U	D	I	H
G	T	G	B	A	A	S	S	S	A	U	D	E	U
D	I	T	L	L	R	E	B	S	L	O	I	G	A
S	B	A	A	I	R	Y	I	A	M	A	I	S	T
I	H	H	P	H	B	Y	D	B	B	E	U	A	B
S	H	U	B	A	Y	N	A	I	K	U	T	O	A
I	Y	S	E	S	I	A	P	A	I	A	G	A	D


CURI
BERI
PUNYA
JANGAN
SUARA
BESAR

YESUS
TAHU
HIDUP
HILANG
BAPA


IKUT
DOMBA
ABADI
SESIAPA
DENGAR



Aktiviti #7: Bantu gembala ini untuk mencari domba yang hilang.



Aktiviti #8: Warnakan Gambar ini.



Aktiviti #9: Kraftangan Kuburan Paska yang kosong

	<p>Bahan yang diperlukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - 2 pinggan kertas - Kertas warna (tidak kisah apa saja warna). - Gunting (ibubapa perlu bantu anak yang kecil). - Gam - butang pelekat atau apa saja yang seperti ini  - Pen Marker atau krayon atau cat untuk hias.
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk Pinggan pertama, potong bentuk bulatan tengah yang kecil. 2. Untuk Pinggan kedua, potong bentuk bulatan tengah yang lebih besar 3. Gunakan Bulatan yang lebih besar tadi, sebagai “batu” yang menutupi bahagian depan kuburan.
	<ol style="list-style-type: none"> 4. Dengan menggunakan bulatan besar yang sama, tekap untuk membentuk satu salinan bulatan pada kertas warna anda. 5. Anda sekarang, boleh membuang pinggan kertas kedua itu.
	<ol style="list-style-type: none"> 6. Gunakan Gam untuk melekatkan bulatan kertas warna tadi pada bahagian belakang pinggan kertas pertama. 7. Gunakan pen marker atau krayon atau cat menghiasi kuburan pingan kertas dan “batu” mengikut cara yang anda inginkan.
	<ol style="list-style-type: none"> 8. Letakkan bulatan “batu” didepan pinggan anda. Ini akan menjadi “batu” yang digunakan untuk menutup kuburan oleh penjaga kubur. 9. Gunakan satu pencungkil gigi untuk menebuk lubang pada “batu” dan pinggan kertas supaya boleh meletakkan butang pelekat. Ataupun minta ibubapa anda untuk menggunakan gunting untuk membuat lubang yang lebih besar agar butang pelekat boleh masuk.
	<ol style="list-style-type: none"> 10. Gunakan pen marker untuk menulis “Dia telah Bangkit” pada bulatan kertas warna dalam kuburan itu satu peringatan bahawa kuburan telah kosong! 11. Bersukacitalah dengan menggulingkan batu itu sepanjang musim Paska ini.

Aktiviti #10: Doa Untuk Panggilan

Pimpin anak-kanak/kanak-kanak anda untuk membaca doa ini.


Doa kanak-kanak “bagi mengetahui Panggilan untuk diri mereka”

Engkau mencipta aku dengan satu tujuan yang khusus bagi kehidupan ku; inilah panggilan untuk aku.

Bantulah aku untuk mendengar, memahami, dan mengikuti panggilan Mu dengan sepenuh jiwa ku, agar aku selalu melakukan kehendak Mu.

Santa Maria, Bunda Allah dan Bunda ku, doakanlah aku untuk mengetahui dan menerima kehendak Allah untuk hidup ku.
Santo Yosef, doakanlah aku.

Amin.



Sebagai sebuah keluarga, baca doa ini

Doa untuk Panggilan

Allah Bapa kami, Engkau mencipta setiap diri kami agar dapat menggunakan karunia-karunia kami didalam Tubuh Kristus.

Kami memohon agar Engkau mengilhamkan kaum muda yang telah Engkau panggil menjadi paderi dan hidup berbakti agar mereka teguh berani mengikuti kehendak Mu.

Utuskanlah pekerja-pekerja kedalam tuaian Mu yang besar agar Injil dapat diwartakan, yang miskin mendapat pelayanan kasih, yang menderita mendapat kelegaan, dan umat Mu diperteguhkan dengan sakramen-sakramen.

Kami mohon ini melalui Kristus, Tuhan kami, Amin.



Sumber: <https://www.worlddayofprayerforvocations.com/praying-for-vocations/prayers-for-vocations/>